

22 APR 2002

MUSTAPA-SWASTA

DASAR PENSWASTAAN NEGARA BERJAYA, KATA MUSTAPA

MELAKA, 22 April (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata dasar penswastaan negara, pada umumnya, berjaya memberi manfaat dan kemudahan kepada rakyat.

Ia juga membawa keuntungan kepada syarikat yang diswastakan, katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk Pemikiran Mengenai Ekonomi di Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad di sini.

"Kita lihat penswastaan Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan beberapa projek lebuhraya yang banyak memberi sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara."

Adalah tidak adil untuk menyatakan dasar penswastaan kerajaan gagal berikutan masalah yang dihadapi oleh beberapa syarikat yang diswastakan, katanya.

Kegagalan sesebuah syarikat itu, katanya, adalah kerana mereka tidak dapat bertahan sewaktu kegawatan ekonomi pada tahun 1997 yang disebabkan oleh penurunan nilai matawang negara serta cabaran ekonomi dunia.

Usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara telah membantu syarikat-syarikat swasta terbabit untuk terus meningkatkan prestasi mereka, katanya.

Mustapa berkata langkah yang diambil kerajaan termasuk pakej rangsangan ekonomi pada tahun lepas, telah memberi keyakinan kepada rakyat dan pelabur luar negara mengenai kemampuan kerajaan menangani kegawatan yang berlaku.

"Keyakinan yang positif di kalangan pelabur dalam dan luar negara, membolehkan ekonomi negara menjadi stabil dan pengurusan ekonomi negara yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus diyakini," katanya.

Sementara itu dalam kertas kerja yang dibentangkan, Mustapa berkata reputasi dan kredibiliti Dr Mahathir dalam pemikiran dan idea-ideanya telah menarik minat pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara kerana ianya konsisten dan berterusan.

Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang mempunyai wawasan besar dan keberanian tersendiri dalam menghadapi segala masalah. Beliau tidak semata-mata mengikuti cara konvensional, samada teori atau pemikiran sejagat, katanya.

"Dengan usaha gigih Perdana Menteri, Malaysia kini telah menjadi negara membangun contoh di dunia.

"Melalui peranan dan kegiatan aktif yang dicurahkan dalam persidangan kerjasama ekonomi antarabangsa, pandangan Malaysia kini dianggap penting kerana Perdana Menteri begitu berani sekali menyuarakan hasrat dan cita-cita negara membangun," katanya.

Dalam kertas kerja itu, Mustapa turut menerangkan dasar-dasar Dr Mahathir sejak beliau menjadi Perdana Menteri antaranya Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Pembangunan Nasional, serta usaha pemulihan ekonomi termasuk penubuhan MTEN. -- BERNAMA

SBS JR